



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

06 Muharram 1442 / 25 Ogos 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Selasa, 06 Muharram 1442H bersamaan 25 Ogos 2020M, **satu kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini meningkat kepada 144 orang.**

- **Kes 144** ialah seorang lelaki berumur 36 tahun yang tiba ke Negara Brunei Darussalam dengan penerbangan Diraja Brunei BI874 pada 19 Ogos 2020 melalui Kuala Lumpur dari India. Kes ini telah dikesan melalui program saringan ujian swab COVID-19 bagi sesiapa yang baru tiba ke negara ini dari luar negara. Beliau dilaporkan mengalami demam panas semasa tiba di negara ini tetapi tidak lagi menunjukkan sebarang tanda-tanda jangkitan pada masa sekarang. Pada masa ini, beliau sedang menjalani rawatan di Pusat Pengasingan

Kebangsaan. Kementerian Kesihatan telah mengenalpasti seramai 19 orang kontak di mana 14 orang daripadanya telah menjalani ujian swab COVID-19 dan disahkan negatif manakala selebihnya masih menunggu hasil keputusan ujian. Kesemua kontak sedang menjalani kurantin di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

2. Dengan kes terbaru ini, jumlah kes aktif yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah seramai **2 kes** di mana kedua-dua kes adalah dalam keadaan yang baik. **Jumlah keseluruhan kes yang telah sembuh kekal seramai 139 orang.**
3. Sementara itu, seramai **615 orang** sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan di mana jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020 ialah **4,618 orang.**
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **480 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah

keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **50,336 ujian**.

5. Sementara itu, Kementerian Kesihatan juga ingin menekankan dan mengingatkan kepada orang ramai untuk terus menerus mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan serta mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungkup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian.

6. Sehubungan dengan ini, orang ramai khususnya para jemaah yang menghadiri sembahyang fardhu Jumaat adalah diingatkan bahawa memakai sungkup muka (*face mask*) adalah masih dimestikan ketika berada di dalam kawasan masjid disamping membawa tikar sejadah sendiri dan mengimbas kod QR apabila memasuki masjid atau surau. Sesiapa yang tidak mematuhi arahan ini adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 yang mana seseorang itu boleh dikenakan denda kompaun

sehingga \$5,000 atau jika sabit kesalahan di mahkamah, boleh dikenakan denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan.

7. Di samping itu, orang ramai juga digalakkan untuk menggunakan applikasi BruHealth dan mengimbas kod QR setiap kali apabila masuk dan keluar dari premis-premis terutama sekali di tempat-tempat awam seperti gedung-gedung perniagaan, kedai-kedai runcit, restoran-restoran, establishmen kecantikan, kedai gunting dan lain-lain. Oleh yang demikian, pengurus-pengurus premis berkenaan adalah dinasihatkan untuk mencetak dan memaparkan QR kod di tempat-tempat masuk masing-masing. Orang ramai juga disyorkan untuk mengambil serius dalam penggunaan applikasi BruHealth terutama sekali dalam mengimbas QR kod ini kerana ia adalah penting dalam membantu Kementerian Kesihatan melaksanakan pengesanan kontak (*contact tracing*) dengan segera, jika berlaku sebarang penularan jangkitan.

8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 06 Muharram 1442H / 25 Ogos 2020